

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI)

TARIKH: 10 MAC 2018

MUKA SURAT: 04

## Program Kembara Kebajikan 1Malaysia pupuk semangat kesukarelaan

**CYBERJAYA 9 Mac** - Program Kembara Kebajikan 1Malaysia anjuran Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menjadi medan untuk menerangkan khidmat kebajikan yang disediakan jabatan itu selain memupuk budaya penyayang melalui aktiviti sukarelawan.

Antara objektif lain program berkenaan ialah menggerakkan sukarelawan dalam masyarakat, memperkasakan kumpulan sasaran, menguar-uarkan perkhidmatan kebajikan, memupuk semangat sukarelawan dan menggalakkan kolaborasi pelbagai agensi.

Menurut Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar, di Selangor sahaja, terdapat 350 orang sukarelawan yang aktif menjayakan program kembara itu untuk membantu golongan yang memerlukan.

"Penglibatan masyarakat secara menyeluruh bersama

kerajaan dalam kerja dan aktiviti kebajikan amat penting dan perlu digalakkan agar ia menjadi tanggungjawab bersama," katanya ketika ditemui pemberita selepas merasmikan program tersebut di sini hari ini.

Yang turut hadir Ketua UMNO Bahagian Sepang, Datuk Marsum Paing, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Dengkil, Shahrudin Mohd. Sharif dan Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Selangor, Mohammad Hanafi Maulud.

Mengulas lanjut, Noh berkata, program berkenaan bukan dianjurkan untuk keuntungan politik menjelang Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) namun, sebagai program untuk membantu mereka yang memerlukan terutamanya orang kurang upaya (OKU).

Sementara itu, Pengarah JKMs Selangor, Mohammad Hanafi berkata, peserta program berkenaan akan memainkan

peranan untuk melakukan aktiviti kesukarelaan seperti membersihkan halaman rumah, membaiki rumah serta menghulurkan sumbangan makanan dan barangan penjagaan diri.

"Sasaran program kembara ini ialah memupuk kerjasama dan komitmen padu semua pihak dalam menjayakan Program Khidmat Bantu Di Rumah kepada warga emas dan OKU yang memerlukan khidmat sosial.

"Sehingga kini, sebanyak 317 orang warga emas dan 250 OKU telah mendapat manfaat dengan kehadiran peserta Kembara Kebajikan 1Malaysia dan saya percaya jumlah golongan yang dibantu akan bertambah selepas kita memperhebatkan program ini," katanya.

Dalam pada itu, katanya, sehingga 1 Mac lalu, sebanyak 72,503 OKU telah berdaftar dengan JKMs.



NOH OMAR (baju putih) bersama sukarelawan dalam majlis perasmian Kembara Kebajikan 1Malaysia Peringkat Negeri Selangor di Wisma Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Sepang, Selangor, semalam. Turut hadir Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor, Mohammad Hanafi Maulud (kanan). - UTUSAN/ZAKI AMIRUDDIN